

ABSTRAK

MENJANA PELUANG DARIPADA KRISIS

Mad Nasir Shamsudin dan Fatimah Mohd. Arshad

Krisis makanan memberi impak kepada sosio-ekonomi rakyat Malaysia dan industri makanan negara. Walaupun secara umumnya kesan krisis adalah negatif, beberapa peluang dapat dijana berdasarkan faktor yang menyebabkan krisis makanan yang diterbitkan daripada tarikan permintaan dan tolakan penawaran.

Faktor permintaan yang menyebabkan krisis makanan adalah pertumbuhan pendapatan, pertumbuhan penduduk dan bio-bahan api. Faktor penawaran pula adalah perubahan iklim, kos input dan pengangkutan yang tinggi dan pelaburan yang rendah dalam penyelidikan pertanian. Kertaskerja ini akan meneliti kesan dari faktor-faktor tersebut dan peluang yang dapat dihasilkan kepada industri makanan negara.